

TARIKH: 24/5/23  
SURAT KHABAR: Berita Harian  
MUKA SURAT: 22

22

Nasional

Rabu, 24 Mei 2023 BH

80 peratus ladang ayam di Johor terkesan cuaca panas

**Johor Bahru:** Sebanyak 80 peratus ladang ternakan ayam di negeri ini didakwa terkesan dengan fenomena cuaca panas melampau ketika ini.

Ia berikutan kira-kira 400 ladang ayam di negeri ini daripada keseluruhan 500 ladang masih menggunakan sistem ternakan tradisional yang mengamalkan sistem reban terbuka.

Setiausaha Persatuan Penternak Unggas (Kecil dan Sederhana) Negeri Johor, Lau Ka Leng, berkata fenomena cuaca itu boleh menyebabkan turubesaran unggas itu terganggu, sekali gus meningkatkan kebimbangan ia mampu menyebabkan kematian besar-besaran ternakan itu.

Katanya, sistem reban terbuka amat bergantung kepada cuaca semasa, menyebabkan penternak terpaksa menyiram reban dan ternakan unggas mereka dengan air beberapa kali sehari bagi mengelakkan tumbesaran ayam terjejas atau lebih teruk mati.

Katanya, ia berbeza dengan sistem reban tertutup yang lebih moden kerana suhu reban boleh sentiasa dikawal mengikut faktor cuaca menggunakan peralatan moden, terutama penyejuk udara khas menggunakan kipas ekzos.

"Suhu ideal untuk ternakan

# 'Warga asing kena akur peraturan pihak berkuasa'

Isu viral pasangan warga Singapura persoal cara cop passport dalam siasatan jabatan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kesatuan Perkhidmatan Imigresen Semenanjung Malaysia (KPISM) mengingatkan setiap warga asing yang memasuki negara ini perlu menghormati dan mematuhi peraturan dan undang-undang ditetapkan pihak berkuasa.

Presidennya, Khairil Niza Khairuddin, berkata mana-mana negara di dunia mempunyai peraturan dan undang-undang yang perlu dipatuhi sama ada oleh pelancong atau penganalisis.

"Dalam isu viral suami isteri warga Singapura mempersoalkan cara seorang pegawai Imigresen Malaysia mengecop passport mereka, perkara ini sedang dalam siasatan jabatan. Jadi saya rasa biarlah siasatan lanjut dilakukan dahulu hingga selesai, pastinya ada sebab tindakan itu diambil.

"Namun, secara umum jika kita hendak pergi luar negara, ada undang-undang dan peraturan yang kita perlu ikut, waima di Singapura pun ada undang-undang mereka.

"Jadi sebagai warga asing kena hormati dan ikut peraturan dan undang-undang sedia ada di negara ini, tidak boleh sewenang-wenangnya mempersoalkan tugas dilakukan pegawai, kalau gagal untuk hormat, memang berhak tindakan susulan diambil," katanya kepada BH semalam.

Beliau mengulas insiden sepasang suami isteri warga Singapura yang mempersoalkan cara seorang pegawai Imigresen Malaysia mengecop passport mereka secara berselang muka surat sebelum mendakwa diberikan notis dilarang memasuki negara ini selama enam bulan.

Menurut warga Singapura itu, Abdul Qayyum Rahim, dia dan isterinya dalam perjalanan ke Johor Bahru dan melalui pos pemeriksaan Imigresen di Tuas (Link Kedua) pada 20 Mac lalu.

Katanya, dia dan isteri terperangkap di pusat pemeriksaan selama satu jam kerana hanya terdapat dua kaunter yang dibuka dan apabila tiba giliran di kaunter, pegawai Imigresen menyuruh menanggalkan pelindung passport dengan nada yang tidak sopan.

**Imigresen siasat dakwaan**

Sementara itu, Jabatan Imigresen akan menyiasat dakwaan pasangan dari Singapura itu yang tidak dibenarkan memasuki Malaysia kerana mempertikai tindakan pegawainya.

Pengarah Imigresen Johor, Baharuddin Tahir, berkata isu itu dalam siasatan pihaknya.

Dalam pada itu, Khairil Niza turut menegur sikap dan tindakan sesetengah pihak termasuk ahli politik yang memilih untuk

Secara umum jika kita hendak pergi luar negara, ada undang-undang dan peraturan yang kita perlu ikut, waima di Singapura pun ada undang-undang mereka



Khairil Niza Khairuddin, Presiden KPISM

berkongsi video di media sosial mengenai Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Bangunan Sultan Iskandar (BSI).

"Saya ingin ingatkan bahawa kawasan BSI itu adalah kawasan keselamatan tahap satu, jadi segala penggunaan gambar atau video yang dikongsi dan ditularkan dalam Tik Tok dan Instagram itu perlulah dikawal supaya tidak melanggar undang-undang sedia ada.

"Contohnya ada sesetengah pihak termasuk orang politik yang mengambil gambar untuk tujuan tertentu, perkara ini sememangnya tidak digalakkan sebab atas prinsip menghormati keluhuran undang-undang," katanya.

Khairil Niza juga mahu isu berbangkit di BSI tidak hanya ditujukan kepada Imigresen sebaliknya perlu kerjasama agensi lain yang turut beroperasi di bangunan berkenaan.

"Tak boleh letak tanggungjawab atau kesalahan sepenuhnya kepada Imigresen sebab di BSI itu ada banyak, lebih kurang 30 agensi lain.

"Jadi jangan tuding semua kesalahan kepada Imigresen dan kaitangannya. Jika semua agensi main peranan masing-masing pastinya tidak timbul masalah atau isu berbangkit," katanya.